



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
 FARMERS' ORGANIZATION AUTHORITY
 KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
 MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES

Menara LPP
 No. 20, Jalan Sultan Salahuddin
 50480 KUALA LUMPUR
 MALAYSIA
 Atau Karung Berkunci 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Tel : 603-2610 9600
 Faks : 603-2697 0987
 Portal Rasmi : <http://www.lpp.gov.my>
 E-mel : info@lpp.gov.my



KENYATAAN MEDIA

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG MEMBANTU MENANGANI ISU BEKALAN MAKANAN

KUALA LUMPUR, 18 JUN 2022– Lanjutan daripada isu kekurangan bekalan ayam Negara, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) melalui Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Gabungan Pertubuhan Peladang Negeri telah diberi peranan utama untuk melaksanakan program stok penimbal ayam bagi tujuan menstabilkan keperluan bekalan ayam negara. NAFAS telah mula mengimport ayam bulat dari pengeluar ayam yang telah mendapat pengesahan dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Pengimportan masuk yang pertama stokpail ayam akan sampai hari ini iaitu sebanyak satu (1) kontena pada volum 21 Matrik Tan. Program ini dilaksanakan secara berperingkat dengan kerjasama dari pihak FAMA dan Gabungan Pertubuhan- Pertubuhan Negeri terutama dalam penggunaan kemudahan bilik sejuk.

Kemasukan bekalan ayam seterusnya akan dibawa masuk ke dalam negara pada Isnin ini iaitu sebanyak tiga kontena yang akan ditempatkan di bilik sejuk beku NAFAS di Sungai Bakap, Pulau Pinang. Sementara itu pengedaran ayam pula adalah melalui jaringan rangkaian Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan FAMA.

LPP akan memantau pelaksanaan penjadualan pengimportan oleh NAFAS. Tiga (3) buah Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) iaitu PPN Selangor, PPN Johor dan PPN Perak dikenalpasti bagi membantu NAFAS menjayakan program ini. Beberapa PPN lain akan turut sama dilibatkan mengikut keperluan semasa.

#####

**BAHAGIAN HAL EHWAL KORPORAT,
 LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP),
 KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI).**